



Turun padang selesai masalah

*Ikhlas
berkhidmat
bantu rakyat
bandar*

- Peruntukan lulus segera
- Ketepi perbezaan fahaman politik
- Kesejahteraan rakyat diutamakan

muka 2&3





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Premium tanah terlalu tinggi

Tan Sri Noh Omar dan Datuk Wira Wan Mohd. Nor Ibrahim berbincang tentang cadangan projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Setia Alam, Selangor baru-baru ini.

Projek Balai Bomba dan Penyelamat tergendala

HASRAT penduduk Setia Alam dan Bukit Rahman Putra untuk melihat Balai Bomba dan Penyelamat beroperasi di kawasan masing-masing masih belum kesampaian gara-gara tindakan Kerajaan Negeri Selangor mengenakan kadar premium yang terlalu tinggi bagi tanah yang dicadangkan untuk dua projek berkenaan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Setia Alam cuma memerlukan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, kadar premium bagi tanah berkeluasan 1.13 hektar yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah RM4.9 juta dan jumlah itu jauh lebih tinggi daripada kos projek.

“Bagi projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Rahman Putra pula, Kerajaan Negeri Selangor mengenakan premium berjumlah RM2.4 juta bagi tanah seluas 0.8 hektar.

“Sepatutnya, Kerajaan Negeri Selangor mengenakan premium tanah pada kadar yang nominal sahaja memandangkan kedua-dua projek berkenaan dilaksanakan untuk kepentingan awam,” katanya selepas melawat lokasi yang dicadangkan sebagai tapak pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Setia Alam, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wira Wan Mohd. Nor Ibrahim.



Kadar premium tanah yang terlalu tinggi menyebabkan projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Setia Alam yang sepatutnya bermula dua tahun lalu tergendala sehingga kini.

Noh menambah, pembinaan dua Balai Bomba dan Penyelamat terbabit adalah satu keperluan yang kritikal berikutan pertambahan penduduk di Setia Alam dan Bukit Rahman Putra.

Beliau memberitahu, setakat ini, Setia Alam mempunyai lebih 100,000 penduduk dan berdasarkan jumlah itu, sebuah Balai Bomba dan Penyelamat perlu dibina bagi membolehkan pihak bomba bertindak pantas jika berlaku situasi kecemasan.

“Pada masa ini, penduduk Setia Alam terpaksa bergantung kepada Balai Bomba

dan Penyelamat Seksyen 15 Shah Alam serta Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jelutong yang terletak agak jauh,” jelasnya.

Sehubungan itu, Noh menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengkaji semula kadar premium tanah yang dikenakan terhadap projek-projek berkenaan agar pembinaan dua Balai Bomba dan Penyelamat terbabit yang sepatutnya bermula pada tahun 2015 dapat dilaksanakan segera.

“Kementerian telah mengemukakan rayuan kepada Kerajaan Negeri Selangor tahun lalu namun ia ditolak,” katanya.



Kerosakan paip kumbahan di Pangsapuri Sri Perantau.

Penantian penduduk selama enam bulan berakhir

Peruntukan RM5 juta baiki lif Pangsapuri Sri Perantau

MASALAH kerosakan lif yang menghantui penduduk Pangsapuri Sri Perantau di Pelabuhan Klang, Selangor sejak enam bulan selalu akan diselesaikan menerusi peruntukan sebanyak RM5 juta yang disalurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kelulusan peruntukan itu diumumkan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar ketika beliau turun padang melawat perumahan kos rendah tersebut baru-baru ini.

Peruntukan berkenaan akan digunakan bagi membaiki pulih semua lif yang rosak di 12 blok bangunan di Pangsapuri Sri Perantau.

Pada masa sama, Noh menempelak Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerana

masih belum menyelesaikan masalah tersebut.

“Bagaimana Menteri Besar Selangor boleh mendakwa Kerajaan Negeri mempunyai dana berbilion ringgit, sehingga tidak tahu untuk dibelanjakan. Sedangkan sekiranya beliau turun di sini, beliau boleh membelanjakan RM10 juta untuk membaiki pulih lif.

“Saya sendiri turun di sini dan telah meluluskan dana sebanyak RM5 juta untuk membaiki pulih lif bagi setiap blok bangunan di pangsapuri tersebut,” katanya.

Sementara itu, Noh menyifatkan Skim Ceria yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Selangor sebagai tidak adil serta menyusahkan rakyat di negeri itu.

Malah, beliau berkata, pihaknya difahamkan banyak Badan Pengurusan Bersama (JMB) di negeri itu menolak skim tersebut yang dilihat membebankan pen-

duduk.

“Skim ini tidak adil kerana Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan dana sebanyak 80 peratus manakala selebihnya rakyat perlu keluar duit.

“Sebagai contoh, untuk baik pulih lif dengan kos RM500,000, Kerajaan Negeri akan beri RM400,000 manakala RM100,000 perlu dicari oleh penduduk. Mana mereka nak cari duit sebanyak itu? Kerajaan Negeri perlu praktikal dalam perkara ini,” katanya.

Sementara itu, pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Tanjong Karang baru-baru ini Noh memberitahu, banyak masalah yang dibangkitkan rakyat terutamanya golongan miskin bandar berjaya diselesaikan melalui program turun padang yang diketuainya.

“Buktinya, apabila saya turun di Parlimen Gombak, saya telah luluskan bantuan hampir RM11 juta selepas mendapati

beberapa kawasan penempatan penduduk di kawasan itu amat menyedihkan di mana ada bumbung terbang manakala di satu taman perumahan pula air kumbahan banjir sampai ke depan rumah penduduk.

“Begitu juga di Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka di mana ada bangunan pangsapuri di kawasan itu yang mengalami kerosakan lif dan bumbung menyebabkan saya meluluskan peruntukan hampir RM1 juta untuk membaikinya.

“Di Seksyen 17 Shah Alam pula, sebuah pangsapuri perumahan rakyat mengalami kerosakan tangki sejak lapan tahun lalu yang tidak diganti oleh Kerajaan Negeri meskipun telah beberapa kali diminta,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan komitmen KPKT untuk terus membantu rakyat walaupun usaha murni itu dikecam oleh pemimpin-pemimpin pembangkang.

Tan Sri Noh Omar mendengar keluhan seorang warga emas tentang masalah yang dihadapi penduduk Pangsapuri Sri Perantau ketika beliau turun padang di kawasan perumahan kos rendah berkenaan baru-baru ini.



Seorang penduduk menunjukkan lif di Blok A, Pangsapuri Sri Perantau di Pelabuhan Klang, Selangor yang rosak sejak enam bulan lalu. Lif itu akan dibaik pulih melalui peruntukan RM5 juta daripada KPKT.



Longgokan sampah akibat pengurusan sisa pepejal yang tidak cekap oleh pihak bertanggungjawab di Pangsapuri Sri Perantau.



Karnival Perumahan Mampu Milik, 11-13 Ogos

100,000 rumah mampu milik ditawarkan

Datuk Ng Seing Liong (dua dari kiri) dan N. Jayaselan (dua dari kanan) bersama Zulkifly Garib (kiri) dan Mohd. Ali Othman mempamerkan poster Karnival Perumahan Mampu Milik di Wisma REHDA, Kelana Jaya, Selangor baru-baru ini.

PERSATUAN Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) menyasarkan sebanyak 100,000 unit rumah mampu milik akan ditawarkan sempena penganjuran Karnival Perumahan Mampu Milik - Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (Mapex) bulan depan.

Penaung REHDA dan Pengerusi Jawatankuasa Mapex 2017, Datuk Ng Seing Liong berkata, karnival yang membabitkan usahasama sulung antara pemaju perumahan swasta dan kerajaan itu bakal berlangsung mulai 11 hingga 13 Ogos depan di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Selangor.

Menurut beliau, penganjuran karnival bertemakan 'Rumah Mampu Milik Sempurna, Rakyat Sejahtera' itu diharapkan dapat memberi kemudahan kepada bakal pembeli dengan mengumpul pelbagai pilihan rumah mampu milik serta hartanah pada harga istimewa.

"Kami menyasarkan penyertaan lebih daripada 60 pemaju hartanah dalam karnival perumahan edisi khas ini yang memberi tumpuan kepada kediaman mampu milik pada harga di bawah RM500,000.

"Marilah datang beramai-ramai kerana mungkin akan terdapat rumah mampu milik ditawarkan pada harga lebih



Sidang akhbar Karnival Perumahan Mampu Milik yang disertai Datuk Ng Seing Liong (tengah), N. Jayaselan (kanan) dan Zulkifly Garib.

rendah iaitu dalam lingkungan antara RM140,000 hingga RM200,000 seunit," katanya dalam sidang akhbar di Wisma REHDA di Kelana Jaya, Selangor baru-

baru ini.

Yang turut hadir, Pengerusi REHDA Selangor, Zulkifly Garib; Timbalan Pengerah (Operasi) Jabatan Perumahan

Negara (JPN), N. Jayaselan dan Pengerah Bahagian Penguatkuasa JPN, Mohamed Ali Othman.

Ujarnya, setakat ini, antara pemaju yang telah mengesahkan penyertaan adalah Glomac Berhad; IJM Land Berhad; MKH Berhad; UEM Sunrise Berhad; Mitraland Group; Matrix Concepts Holding Berhad dan pelbagai agensi kerajaan di bawah JPN.

Selain itu, beliau turut berharap institusi perbankan akan turut sama menyertai karnival berkenaan bagi menyediakan kemudahan pinjaman dan juga sebagai tanda sokongan mereka ke atas usaha kerajaan serta pihak swasta membantu rakyat mencapai impian memiliki rumah sendiri.

"Kali ini REHDA menyasarkan nilai jualan rumah sepanjang tiga hari karnival berkenaan berlangsung sebanyak RM1 bilion dan berdasarkan jumlah ini, kita dapat lihat bahawa Karnival Perumahan Mampu Milik - Mapex adalah satu karnival penting untuk rakyat Malaysia.

"Justeru, saya menyeru kepada pemamer yang berminat untuk turut serta dalam karnival berkenaan supaya segera menghubungi kami kerana gerai jualan pilihan adalah terhad," katanya.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Mengapakah harga pasaran bagi program Rumah Mampu Milik (RMM) terlalu tinggi berbanding dengan Program Rumah Impian Johor yang dilancarkan baru-baru ini oleh Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jauh lebih murah dan kualiti binaan yang baik dengan harga antara RM80,000 hingga RM100,000 sahaja? Adakah kerajaan juga bersedia mempertimbangkan dan mengambil tindakan sewajarnya yang boleh mendorong untuk

MENTERI JAWAB

menurunkan harga pasaran rumah di bawah program RMM dengan kualiti rumah tetap baik dan terjamin?

Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina sejuta unit RMM menjelang tahun 2018 bagi memudahkan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan pertengahan (M40) untuk memiliki rumah.

Selain daripada Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), beberapa agensi kerajaan lain seperti Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri turut terlibat dalam penyediaan RMM tersebut.

Mesyuarat Majlis Perumahan Negara Bil. 1/2016 pada 6 April 2016

telah bersetuju untuk menetapkan harga siling bagi RMM di seluruh negara pada kadar RM300,000 seunit. Penetapan ini dibuat setelah mengambil kira perbandingan dan penyelarasan harga siling RMM oleh setiap Kerajaan Negeri di bawah Dasar Perumahan Negeri masing-masing.

Kerajaan amat mengalu-alukan cetusan idea oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk membina dan menetapkan harga jualan RMM Program Rumah Impian Johor antara RM80,000 hingga RM100,000 bagi membuka peluang kepada rakyat Johor untuk memiliki rumah sendiri.

■ Sidang Dewan Negara,
19 April 2017

PERBANDINGAN RMM MENGIKUT NEGERI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

NEGERI	JULAT HARGA	NEGERI	JULAT HARGA
Perlis	Maksimum RM42,000	N. Sembilan	RM80,000 – RM400,000
Kedah	RM35,000 – RM200,000	Melaka	RM35,000 – RM180,000
P. Pinang	RM42,000 – RM400,000	Johor	RM42,000 – RM150,000
Kelantan	RM45,000 – RM130,000	Sabah	RM65,000 – RM300,000
Terengganu	RM68,000	Sarawak	RM100,000 – RM168,000
Pahang	RM35,000 – RM200,000	WP K. Lumpur (RUMAWIP)	RM63,000 – RM300,000
Perak	RM42,000 – RM300,000	WP Putrajaya (PPA1M)	RM90,000 – RM300,000
Selangor	RM42,000 – RM250,000	WP Labuan (RUMAWIP)	RM52,000 – RM300,000



Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip) Residensi Pandanmas di Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bagi memudahkan rakyat memiliki rumah sendiri. - GAMBAR HIASAN

BAGI tahun 2017, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) menawarkan kursus-kursus yang berikut:

PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN TEMPATAN

- Pengurusan Harta Khas Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): Bangunan Lama vs Teknologi Terkini Siri 1, **10-13 Julai**
- Pengurusan Harta Awam: Pelaksanaan Bagi Medan Selera dan Pasar Awam, **24-27 Julai**
- Bengkel Pemurnian Garis Panduan Kawalan Nyamuk Di PBT Siri II/2017, **21-24 Ogos**
- Aplikasi Dron Bagi Meningkatkan Keberhasilan Tinjauan dan Pemantauan Yang Efektif Siri I/2017, **5-7 September**
- Pengurusan Harta Khas Oleh Pbt : Bangunan Lama vs Teknologi Terkini Siri 2, **25-28 September**

PUSAT PENGAJIAN PEMAHAMAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Pentadbiran Kontrak Kerajaan, **24-26 Julai**
- Kursus Penyediaan Kemungkinan dan Penamatan Kontrak Kerajaan, **1-3 Ogos**
- Kursus Pemahaman Asas Statut Bagi Penolong Pegawai Undang-Undang PBT, **14-16 Ogos**
- Kursus Pendedahan Kemahiran dan Pengetahuan Untuk Melaksanakan Tugas Sebagai Pegawai Penyiasat (Siri 1), **5-7 September**
- Kursus Pendedahan Kemahiran dan Pengetahuan Untuk Melaksanakan Tugas Sebagai Pegawai Penyiasat (Siri II), **24-26 Oktober**



Peserta-peserta kursus diberi pendedahan secara amali.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN LANDSKAP

- Kursus Teknikal Landskap Modul 2: Kursus Proses Reka Bentuk Simenfero dan Stepping Stone, **24-27 Julai**
- Kursus Teknikal Landskap Modul 3: Kursus Urban Agriculture 'Urban Edible Garden', **7-10 Ogos**
- Kursus Teknikal Landskap Modul 4: Arborikultur, **4-7 September**
- Seminar Landskap 2017, **9-11 Oktober**

PUSAT PENGAJIAN PERANCANG BANDAR DAN URBANISASI

- Kursus Penggunaan dan Operasi UAV dan Dron Dalam Perancangan dan Pembangunan, **25-27 Julai**
- Inovasi Perancangan Bandar: Dasar Desa Negara, **8-10 Ogos**
- Kursus Inovasi Perancangan: Best Planning Practices, **4-7 September**



Barisan tenaga pengajar di I-KPKT.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERUMAHAN

- Bengkel Siasatan dan Pendakwaan Akta Pengurusan Strata 2013, **23-26 Julai**
- Kursus Penyata Kewangan Beraudit Badan Pengurusan Bangunan Berstrata, **21-25 Ogos**
- Kursus Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System, IBS) Siri I, **5-7 September**
- Kursus Akta Pengurusan Strata 2013 Siri II, **12-14 September**
- Pengenalan Kursus Hak Milik Strata Siri 2, **Oktober/November**
- Aplikasi Dron Bagi Meningkatkan Keberhasilan Tinjauan dan Pemantauan Yang Efektif Siri II/2017, **10-12 Oktober**
- IBS I-KPKT, **November**

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

- Kursus Asas Pengurusan Projek dan Pentadbiran Kontrak Untuk Tapak Pelupusan Siri 1, **24-27 Julai**
- Seminar: Kelestarian Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, **15-16 Ogos**
- Kursus Penutupan Selamat dan Pengurusan Pasca Penutupan Tapak Pelupusan Siri 2, **11-14 September**
- Kursus Amalan Terbaik Pengurusan Sisa Pepejal dan Tapak Pelupusan Siri 2, **25-28 September**
- Ceramah Eksekutif: Pengurusan Sisa Pepejal dari Perspektif Perniagaan, **10-11 Oktober**
- Bengkel: Menguruskan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam-Lesson Learned, **6-9 November**

BICARA MENTERI

Iskandar dan Kerajaan Negeri Selangor bagaikan 'cacing kepanasan'

SEJAK awal lagi apabila saya sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 'turun padang' bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk di Selangor, saya sudah merasakan kerajaan negeri tidak akan selesa dengan tindakan tersebut.

Ya memandangkan apa yang saya lakukan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mendedahkan kelemahan ketara Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Ternyata telahan saya benar apabila Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad mula melakukan 'serangan' berunsur politik ke atas saya.

Beliau menuduh saya lebih gemar berpolitik dan mahu saya digantikan dengan pemimpin lain yang lebih rasional. Saya hairan dengan sikap tidak matang Iskandar dalam berhadapan isu sebenar.

Perlu dipertegas apa yang saya lakukan di Selangor khususnya dalam menyelesaikan masalah rakyat di kawasan perumahan khususnya Projek Perumahan Rakyat (PPR) ia dilaksanakan secara ikhlas dan tidak mempunyai kaitan dengan politik.

Saya hanya menyelesaikan masalah yang dikemukakan kepada saya oleh rakyat tanpa mengira siapapun mereka, di manapun mereka tinggal dan siapa wakil rakyat mereka, tetapi malangnya apabila saya ikhlas menegur kegagalan Kerajaan Negeri Selangor dalam soal tersebut, Iskandar 'menyerang' saya.

Beliau menganggap saya mahu berkonfrontasi dengan kerajaan negeri dan mengugut bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan membatalkan keistimewaan yang diberikan kepada Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1M) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Bagi saya, tindakan Iskandar adalah tidak profesional dan tidak matang untuk berhadapan dengan realiti apabila wujudnya masalah atau teguran yang dibuat demi kebaikan rakyat.

Mengugut untuk bertindak balas ke atas projek seperti PR1M dan PPA1M membuktikan bukan saya yang gemar berpolitik tetapi Iskandar. Hakikatnya, saya tidak faham kenapakah Iskandar begitu teruja mahu mempolitikkan teguran atau usaha saya bagi membela rakyat Selangor.

Sebagai Menteri Pusat, saya bertanggungjawab membela mana-mana juga rakyat di seluruh negara demi kesejahteraan mereka. Dan apabila saya membuat teguran ia

dilakukan secara ikhlas dan bukannya mencari kesalahan sesiapa.

Sebab itulah saya bersedia menyelesaikan masalah rakyat di mana-mana juga termasuklah di kawasan Parlimen Gombak yang diwakili oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohammed Azmin Ali. Semasa lawatan saya ke kawasan Batu Caves dan Gombak, saya telah meluluskan sebanyak lebih RM11 juta untuk membaik pulih rumah pangsa dan rumah daif di sana serta membina gelanggang futsal.

Malah, saya juga melawat kawasan-kawasan Parlimen lain yang wakil rakyatnya bukannya daripada Barisan Nasional (BN) seperti Shah Alam, Hulu Langat, Kapar, Sepang, Ampang dan lain-lain kawasan di Selangor dan meluluskan peruntukan hampir RM170 juta yang kebanyakannya akan digunakan untuk membaik pulih rumah pangsa di kawasan terbabit serta membina fasiliti komuniti yang akan meningkatkan kesejahteraan penduduk.

Saya turun ke kawasan itu bukan mahu mencari keuntungan politik tetapi bagi membela nasib rakyat yang berhadapan dengan pelbagai masalah termasuk dalam soal perumahan.

Segala masalah yang dihadapi oleh mereka, saya cuba selesaikan di bawah bidang kuasa saya sebagai

menteri Pusat khususnya melibatkan KPKT. Bantuan itu saya berikan tanpa mempedulikan apapun fahaman politik mereka.

Justeru itulah saya sering menegaskan jangan menjadikan rakyat sebagai mangsa hanya disebabkan perbezaan ideologi politik antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Sewajarnya apabila Kerajaan Pusat berusaha menyelesaikan masalah rakyat di sesebuah negeri, kerajaan negeri menjadi 'pemudah cara' bukannya 'benteng penghalang'.

Oleh itu, saya berharap Iskandar dan Kerajaan Negeri Selangor akan berlapang dada dalam berhadapan dengan sebarang isu melibatkan rakyat yang diketengahkan. Jadilah pemimpin politik yang membela nasib rakyat dan bukannya hanya bijak memperalatkan rakyat untuk kepentingan politik.

Namun, ingin saya tegaskan, biarpun apa juga sikap yang ditunjukkan oleh Iskandar dan apapun tindak balas Kerajaan Negeri Selangor, saya dan KPKT serta Kerajaan Pusat sama sekali tidak akan menyerah kalah dalam membela nasib rakyat negeri itu.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





7 Jun 2017: Tapak pelupusan sampah haram di Kampung Limau Manis, Sepang



10 Jun 2017: Pangsapuri Laksamana Jaya, Gombak



13 Jun 2017: Terminal Bas Seksyen 17, Shah Alam

TAN SRI NOH OMAR TURUN PADANG



1 Jun 2017: Rumah Pangsa Taman Keramat AU2



5 Jun 2017: Parlimen Sepang



13 Jun 2017: Pangsapuri PKNS Seksyen 18 Shah Alam



11 Jun 2017: DUN Gombak Setia



15 Jun 2017: Parlimen Pandan



15 Jun 2017: Pangsapuri Pandan Utama, Ampang

Pemegang pajak gadai tidak boleh menjalankan urusan niaga lain dalam premis mereka.
- Gambar Hiasan



Iklan pajak gadai mesti ikut peraturan



Kesalahan berkaitan iklan merupakan antara jenis kesalahan tertinggi yang dilakukan pemegang pajak gadai di negara ini - Gambar Hiasan

KESALAHAN berkaitan iklan oleh pemegang lesen pajak gadai serta menjalankan perniagaan lain dalam premis yang dilesenkan merupakan antara kesalahan yang sering dilakukan oleh Pemegang Pajak Gadai (PPG) sepanjang tahun ini.

Kesalahan-kesalahan itu melanggar peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Menurut Setiausaha Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Ahmad Nizam Norali, pihaknya menerima tujuh aduan daripada orang ramai berkenaan dua kesalahan yang sering dilakukan oleh pemegang pajak gadai itu.

"Pemegang pajak gadai perlu mendapatkan permit untuk mengedarkan sebarang risalah atau iklan serta mereka juga tidak boleh menjalankan kegiatan perniagaan selain daripada aktiviti yang dibenarkan di premis yang dilesenkan," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Nizam berkata, antara kesalahan lain yang sering dilaku-

kukan PPG adalah berkaitan notis pemberitahuan lelongan serta kegagalan mereka mempamerkan lesen asal perniagaan di premis.

"Kita menerima aduan iaitu masing-masing dua kes untuk kesalahan tersebut kerana setiap pemegang pajak gadai perlu mempamerkan lesen asal perniagaan di premis mereka.

"Malah, kita juga menerima aduan berlaku penipuan oleh pemegang pajak gadai sewaktu menjalankan operasi," katanya.

Selain itu, Ahmad Nizam memberitahu, antara kesalahan lain yang sering dilakukan oleh pemegang pajak gadai adalah tidak mempunyai lesen yang sah serta mengenakan caj tinggi kepada pengguna.

"Kita minta agar pengguna bersikap lebih berhati-hati serta memastikan mereka tidak dikenakan caj melebihi kadar yang telah ditetapkan.

"Kadar keuntungan adalah dua peratus sebulan atau sebahagian daripadanya campur caj pengendalian sebanyak 50 sen bagi mana-mana pinjaman melebihi RM10," jelasnya.



AHMAD NIZAM

Jenis Kesalahan	Jumlah Aduan
Tidak Mempunyai Lesen Sah	1
Mengenakan Caj Tinggi	1
Barang Gadaian Ditebus Orang Lain	1
Iklan Oleh Pemegang Lesen	4
Notis Pemberitahuan Lelongan	2
Lesen Perlu Dipamerkan	2
Surat Pajak	1
Butir-Butir Dalam Iklan	2
Iklan	2
Menjalankan Perniagaan Lain Dalam Premis PPG	3
Penipuan	2
Jumlah	21

*Setakat 7 Jun 2017

iKepoh inovasi pengurusan aduan awam

APLIKASI mudah alih iKepoh yang dahulunya dikenali sebagai CaknaKPKT telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique di A' Famosa Resort, Alor Gajah, Melaka pada 29 Oktober 2015.

iKepoh merupakan satu inisiatif pengurusan aduan awam bergambar yang julung-julung kali dibangunkan secara dalaman oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merentasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan menggunakan pendekatan 'Artificial Intelligence Geographical Information System' (GIS) dalam seni bina reka bentuk sistemnya. Ia menjadi aspirasi aplikasi Kerajaan pertama yang menggunakan pendekatan *end to end mobile computing* dan *Internet of Things (IoT)*.

Aplikasi ini juga merupakan salah satu program *quick win* berimpak tinggi dalam Pelan Transformasi PBT bagi teras komunikasi berkesan yang penggunaannya melibatkan rakyat, merentasi agensi serta Kementerian malah boleh digunakan oleh agensi swasta. iKepoh telah mengadaptasi dan menerapkan enam perkara utama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu penghasilan idea yang kreatif dan inovatif; kolaborasi antara kementerian, jabatan dan agensi; melibatkan kos perbelanjaan yang rendah; meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan kepada rakyat; menggunakan sumber sedia ada dan hasil berimpak tinggi.

PBT dalam konteks semasa perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan sensitif dalam merealisasikan kehendak masyarakat. PBT yang proaktif sentiasa bersedia menerima teguran atau maklum balas terhadap mutu perkhidmatan yang diberikan. Maklum balas perkhidmatan yang disediakan dapat dinilai melalui aduan dan cadangan yang diterima.

Bagi memperkasakan pengurusan aduan, terdapat keperluan untuk membangunkan satu sistem yang lebih moden dan mudah diakses oleh semua pihak, mudah dipantau, efektif dan boleh diintegrasikan dengan pihak-pihak berkuasa lain.

Pelan Transformasi PBT juga telah menjadikan iKepoh sebagai aplikasi contoh dalam pengurusan aduan PBT. Pelan Tindakan Strategi 3 dalam memperkasakan pengurusan aduan antaranya mengandungi tiga elemen:

- Mewujudkan Sistem Pengurusan Aduan yang lebih moden, mudah diakses oleh semua pihak, efektif dan boleh diintegrasikan dengan pihak berkaitan;
- Mewujudkan Sistem Pemantauan Awal Pengurusan Aduan; dan
- Melaksanakan pengurusan aduan secara pantas dan berkesan mengikut Piagam Pelanggan atau tempoh yang ditetapkan.

iKepoh mempunyai ciri-ciri yang menarik seperti penggunaan elemen multimedia (aduan bergambar), interaktif (berkonsep masa sebenar) dan dinamik (penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) bagi penentuan persempadanan PBT). Antara fungsi-fungsi lain aplikasi iKepoh adalah:

- Melangkaui status quo PBT iaitu pendekatan satu ID pengguna digunakan



Datuk Halimah Mohamed Sadique (tengah) bersama Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek (kanan) dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka, Datuk Ar. Ismail Othman pada Majlis Pelancaran Aplikasi Mudah Alih iKepoh dan Seminar Pelan Transformasi PBT di A' Famosa Resort, Alor Gajah, Melaka pada 29 Oktober 2015.



7 PBT Perintis

- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- Majlis Perbandaran Alor Gajah
- Majlis Perbandaran Jasin
- Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- Majlis Perbandaran Bentong
- Majlis Daerah Tanjong Malim
- Majlis Bandaraya Johor Bahru



Pengurusan Aduan iKepoh

2,527
aduan diterima

970
aduan diselesaikan

749
aduan baharu

808
aduan dalam tindakan

untuk menghantar aduan ke semua PBT di Semenanjung Malaysia. Penghantaran aduan tanpa perlu tahu PBT yang bertanggungjawab (mengaplikasi polisi *no wrong doors*) pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja;

- Mengguna pakai konsep 'Once Time Registration' bagi menghantar aduan lebih daripada sekali serta mempunyai pilihan tetapan 'auto login'; dan
- Push Woosh Notification Service bagi notifikasi maklum balas masa sebenar status aduan kepada pengadu dan pengurus aduan.

Setakat ini, sebanyak 97 PBT di Semenanjung Malaysia telah menggunakan iKepoh. Seksyen Keurusetiaan dan Kolaborasi Strategik, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan menerima aduan bagi PBT yang tidak menggunakan iKepoh. Fungsi 'Maju Aduan' disediakan bagi memanjangkan aduan yang diterima tersebut secara automatik melalui e-mel kepada PBT yang bertanggungjawab.

Sehingga kini, sebanyak 3,731 pengguna telah memuat turun aplikasi iKepoh bagi kedua-dua platform mudah alih Android dan iOS. Aplikasi tersebut juga telah mendapat pengiktirafan 4 bintang daripada Google Play. Pengiktirafan turut diterima melalui penerbitan artikel mengenai iKepoh daripada GovInsider Asia sebanyak dua kali iaitu pada 23 Februari 2016 dan 2 Mac 2016.

Kerjasama daripada PBT dalam memastikan semua aduan yang diterima melalui iKepoh di ambil tindakan mengikut Piagam Pelanggan ditetapkan merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh KPKT. PBT juga mengalami satu cabaran hebat untuk menguruskan aduan dari pelbagai saluran aduan yang ada termasuk melayan kerenah aduan palsu daripada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Pemilik kenderaan punca kesesakan dikenakan tindakan

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan dalam akhbar 'New Straits Times' bertajuk 'Residents upset over haphazard parking' berhubung di Jalan Semangat, Petaling Jaya pada 31 Mac 2017.

Hasil siasatan Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mendapati terdapat beberapa pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan meletak kenderaan dalam zon kompaun di sepanjang Jalan Semangat sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak.

Pegawai bertanggungjawab telah mengambil tindakan segera dan hasilnya sebanyak 306 bil kompaun telah dikeluarkan manakala sebanyak 60 buah kereta telah dikenakan tindakan kunci tayar dan ditunda oleh pihak MBPJ setakat 8 Mei 2017 berikutan kesalahan meletak kenderaan di sepanjang jalan tersebut.

Keratan akhbar *New Straits Times* berhubung aduan yang disiarkan pada 31 Mac 2017.



ALBUM BULETIN BANDAR



Butterworth, P. Pinang.



Tanjung Sepat, Melaka.



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Menteri Besar Kedah di Seri Mentaloon, Alor Setar, Kedah.



Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan.



Pasar Tani Taman Medan, Petaling Jaya, Selangor.



NEGARAKU

SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2017

OBJEKTIF

**TINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT
MENGENAI PETEMPATAN MANUSIA**



**HAK SETIAP INDIVIDU UNTUK MEMILIKI
TEMPAT TINGGAL YANG SELESA**


www.kpkt.gov.my

[@kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)

[kpkt](https://www.instagram.com/kpkt)

[KPKT Malaysia](https://www.youtube.com/KPKT_Malaysia)

[KPKT Malaysia](https://www.facebook.com/KPKT_Malaysia)

PERTANDINGAN

PHOTOJOURNALISM


TEMA PERTANDINGAN 2017 :
HOUSING AT THE CENTRE

3 PEMENANG BAGI TAHUN 2016

GREEN LUNG IN THE CITY
(KAWASAN HIJAU DI BANDAR)



SUSTAINABLE CITIES
for Healthy Communities



UNTUK KETERANGAN LANJUT DAN SYARAT PERTANDINGAN, SILA LAYARI


www.kpkt.gov.my

ATAU


<http://jln.kpkt.gov.my>

[@kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)

[KPKT Malaysia](https://www.youtube.com/KPKT_Malaysia)

[KPKT Malaysia](https://www.facebook.com/KPKT_Malaysia)

[kpkt](https://www.instagram.com/kpkt)



**Selangor
tewaskan
T-Team**



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	14	10	3	1	31	11	33
Pahang	14	7	3	4	32	19	24
Kedah	14	6	6	2	29	21	24
Perak	14	5	6	3	21	24	21
SELANGOR 14	5	5	4	21	18	20	
Felda	14	5	5	4	18	16	20
Kelantan	14	6	2	6	26	23	17
T-Team	14	5	4	5	21	25	16
Sarawak	14	3	5	6	14	18	14
PKNS	14	2	6	6	23	27	12
Melaka	14	2	6	6	14	29	12
P. Pinang	14	1	3	10	10	29	6

Setakat 9 Julai 2017

Syahmi Safari melakukan jaringan pertama pasukan dengan rembatan yang menumpaskan penjaga gol T-Team, Mohd. Hafidz Romly dalam perlawanan Liga Super di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, Selangor pada 1 Julai lalu.

Perancangan taktikal Maniam berkesan

KEJAYAAN The Red Giants menundukkan T-Team 4-2 dalam perlawanan Liga Super pada 1 Julai lalu membuktikan keberkesanan perancangan taktikal yang diatur jurulatihnya, P. Maniam.

Penolong Pengurus Selangor, Datuk Mohd. Shahrizal Sahri berkata, kemenangan di gelanggang sendiri itu sekali gus menyuntik semangat baharu kepada semua pemain untuk memberikan yang terbaik dalam saingan Liga Super.

"Formasi yang digunakan dalam beberapa perlawanan persahabatan sepanjang bulan Ramadhan lalu ter-

nyata mampu diserap oleh barisan pemain import dan pemain tempatan yang ditampilkan oleh Maniam.

"Tahniah saya ucapkan kepada Maniam dan skuadnya yang berjaya menewaskan pasukan T-Team yang turut memberi tentangan yang sengit," katanya.

Mohd. Shahrizal menambah, gandingan pemain import seperti Rufino Segovia del Burgo, Andik Vermansyah dan Amri Yahyah ternyata berupaya membentuk jentera serangan yang digeruni pasukan



MOHD. SHAHRIZAL

lawan.

Katanya lagi, apa yang lebih membanggakan, perancangan Maniam yang menggandingkan pemain-pemain muda dan senior dilihat tepat serta mantap.

"Saya berharap momentum kemenangan berkekalan untuk perlawanan akan datang yang pasti lebih sengit," katanya.

Dalam pertembungan di Stadium Majlis Perbandaran Selayang itu, dua gol Selangor dijaringkan oleh pemain muda, Syahmi Safari (m-53, m-85)

manakala Rufino (m-82) dan Francis Forkey Doe (m-55) masing-masing menyumbangkan satu gol.

Dua gol T-Team dijaringkan oleh Dilshod Sharofetdinov (m-72) dan Yannick N' Djeng (m-88).

Sementara itu, Selangor dan Terengganu terikat dengan keputusan seri 1-1 dalam perlawanan pertama Piala Malaysia musim ini di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 4 Julai lalu.

Rufino menjaringkan gol untuk Selangor pada minit ke-42 manakala Issey Nakajima Farran menyamakan kedudukan bagi Terengganu pada minit ke-63.

Nauraj yakin pertahan emas lompat tinggi

JAGUH lompat tinggi negara, Nauraj Singh Randhawa yakin dengan keupayaannya untuk mempertahankan pingat emas acara tersebut pada kejohanan Sukan SEA Kuala Lumpur Ogos ini.

Keyakinan itu adalah berdasarkan kepada kejayaannya memenangi pingat emas acara lompat tinggi dalam dua siri Sukan SEA sebelum ini.

Namun, beliau mengakui setiap atlet mempunyai peluang yang sama untuk mengungguli acara berkenaan dalam temasya Sukan SEA 2017.

Meskipun berjaya melakukan lompatan 2.25 meter secara konsisten dalam beberapa siri kejohanan antarabangsa yang disertainya, atlet berusia 25 tahun itu tidak mahu terlalu selesa dalam menghadapi temasya dwitahunan berkenaan.

Nauraj merupakan harapan Malaysia untuk mempertahankan pingat emas dalam Sukan SEA 2017.



Nauraj berkata, beliau akan menyertai beberapa kejohanan di Eropah sebelum bertanding pada Kejohanan Dunia di London dan Sukan SEA 2017.

Menurut beliau, tumpuannya kini lebih terarah kepada Kejohanan Dunia dengan sasaran melayakkan diri ke pusingan akhir

sebelum beralih fokus kepada Sukan SEA.

"Sama seperti persatuan (Kesatuan Olahraga Malaysia) saya juga mahu pingat emas (Sukan SEA) tetapi perlu diingatkan, peluang untuk setiap atlet adalah sama rata, jadi saya perlu lakukan yang terbaik untuk mendapatkannya.

"Paling penting, saya perlu terus menjalani latihan, memperbaiki teknik lompatan dan selepas itu hasilnya akan diperolehi. Jika ditanya berapakah sasaran ketinggian lompatan selepas ini memang saya tidak boleh jawab tetapi saya akan cuba melakukan lompatan setinggi yang saya boleh lakukan," katanya.

Catatan terbaik Nauraj ketika ini adalah 2.30m, sekali gus merupakan rekod kebangsaan yang dilakukannya sewaktu Kejohanan Olahraga Terbuka Singapura 27 April lalu.

Kerajaan Persekutuan prihatin nasib penduduk Hulu Langat

Bantuan khas bantu mangsa banjir kilat

NASIB penduduk Hulu Langat, Selangor yang menjadi mangsa banjir kilat baru-baru ini mendapat perhatian khas daripada Kerajaan Persekutuan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah meluluskan dana sebanyak RM220,000 untuk disalurkan sebagai sumbangan khas kepada mangsa-mangsa banjir kilat di kawasan tersebut.

Beliau berkata, bantuan berkenaan disumbangkan kepada seramai 87 mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir.

"Bantuan ini sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Persekutuan terhadap keluarga yang mengalami kesukaran akibat banjir kilat tempoh hari dan untuk meringankan beban mereka pada musim perayaan Aidilfitri," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Daerah Hulu Langat baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abd. Aziz dan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Abdul Rashid Harun.

Antara penduduk yang turut me-

nerima bantuan khas ialah keluarga Allahyarham Taufik Alias, 24, yang meninggal dunia akibat lemas semasa banjir kilat tersebut.

Mengulas lanjut, Noh memberitahu, peruntukan itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu bagi mangsa banjir yang berpindah dan tidak berpindah.

Beliau berkata, mereka yang berpindah dari kediaman akan menerima bantuan sebanyak RM500, manakala yang tidak berpindah pula diminta berjumpa wakil di kawasan masing-masing untuk dibuat penilaian bagi diberikan bantuan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim yang terus berjumpa Perdana Menteri dan menyatakan hasrat supaya peruntukan khas diberikan pada mangsa banjir berkenaan.

"Alhamdulillah, Perdana Menteri terus membuat keputusan dengan meluluskan jumlah berkenaan. Malah, bantuan juga akan disampaikan kepada mangsa banjir yang tidak berpindah kerana sebelum ini kita hanya memberikan bantuan kepada mangsa yang berpindah sahaja disebabkan ada rekod dan senarai nama mangsa banjir," jelasnya.



Kerosakan harta benda yang dialami penduduk Kampung Sungai Serai di Hulu Langat akibat kejadian banjir kilat.



Para sukarelawan membantu membersihkan rumah penduduk Kampung Sungai Serai.

Tan Sri Noh Omar menyampaikan sumbangan Kerajaan Persekutuan dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Daerah Hulu Langat di Hulu Langat, Selangor baru-baru ini.



*iKepoh inovasi
pengurusan
aduan awam*

muka 11

INCONSIDERATE MOTORISTS

RESIDENTS UPSET OVER HAPHAZARD PARKING

RESIDENTS of Jalan Seremban opposite Jaya 28 Mall, Petaling Jaya, are complaining about the increasing number of motor vehicles parked haphazardly by the roadside, causing congestion.

TAN YONG SIANG, who lives along the road, says that the local residents may still park their vehicles illegally along Jalan Seremban.

"Every time I pass the mall on my way home, I see vehicles parked in front of the mall, some even double park their vehicles."

"The irony is that even though many cars are parked illegally, only one is towed by the authorities."

"These illegally parked vehicles are obstructing the traffic flow along the road, especially during peak hours," he said.

The local residents hope the Municipal Council (MPC) should increase patrols and enforcement in the area to prevent illegal parking.

ACTIONLINE

During the Jaya Seremban Council (MPC) said it has been conducting patrols in the area frequently.

Public relations officer Zulfah Zukaria, said enforcement officers had been conducting frequent patrols, in the area, daily.

"The problem is when MPC enforcement officers turn up, those who park their vehicles illegally along the road will immediately leave, and when the officers leave, vehicles will take their place."

"These lawbreakers comply with the enforcement department and they are looking into the matter," she said.

*Pemilik kenderaan
punca kesesakan
dikenakan
tindakan*

muka 12



*Perancangan
taktikal
Maniam
berkesan*

muka 14



*Iklan pajak gadai
mesti ikut peraturan* muka 10

Buletin



NEGARAKU

Bandar

3 JULAI - 9 JULAI 2017 • 9 - 15 SYAWAL 1438

*PM lulus
peruntukan
khas*

Bertindak segera bantu mangsa banjir

"Bantuan ini sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Persekutuan terhadap keluarga yang mengalami kesukaran akibat banjir kilat tempoh hari dan untuk meringankan beban mereka pada musim perayaan Aidilfitri."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



muka 15